

**D.R. 41/2007**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Mineral 1994.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007.

**Pindaan seksyen 53**

**2.** Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 53 dengan menggantikan perkataan "dua ratus" dengan perkataan "dua ribu".

**Pindaan seksyen 55**

**3.** Subseksyen 55(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "Timbalan Ketua Pengarah boleh" perkataan ", dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya,"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "Akta ini" perkataan "atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini".

## Pindaan seksyen 63

## 4. Seksyen 63 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(j), dengan memasukkan selepas perkataan "di bawah Akta ini" perkataan "atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh menetapkan denda selanjutnya sebanyak dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan."

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 ("Akta 525").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 53 untuk menambah denda yang dikenakan bagi kesalahan yang bertcrusan.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 55 untuk membcri kepada Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 525.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 63 untuk memperuntukkan secara khusus dalam Akta 525 penalti bagi apa-apa kesalahan yang dibuat di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.